

**Nota Penting**

Polisi ini melayakkan anda mendapat pengecualian cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Anda perlu memahami Pelan ini secara keseluruhannya bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda dan premium yang dibayar mengikut kemampuan anda.

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan, sama ada waras atau tidak waras, membunuh diri dalam masa satu (1) tahun daripada tarikh Polisi dikeluarkan atau tarikh pembaharuan, kami akan membayar balik premium tanpa faedah.

Pemilik Polisi akan diberi tempoh ihsan selama tiga puluh satu (31) hari daripada tarikh premium patut dibayar untuk pembayaran premium.

Polisi ini tidak mempunyai nilai tunai minima yang dijamin sekiranya ditamatkan sehingga anda membayar premium penuh selama tiga (3) tahun Polisi.

Apabila Polisi ditamatkan, mencapai tempoh matang ataupun luput, semua manfaat di bawah Pelan ini luput. Sekiranya anda menamatkan Polisi pada tahun-tahun terawal, jumlah yang anda perolehi mungkin kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Polisi ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Polisi diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, Polisi ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, Polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Polisi ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Polisi ini dihantar secara elektronik.

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

Pastikan anda merujuk Ilustrasi Jualan berkaitan Polisi anda yang disediakan oleh Etiqa untuk anda.

Risalah ini adalah rujukan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai perjanjian ataupun jemputan untuk penyertaan.

Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

01/18/EVE

**Etiqa Online 1300 13 8888**  
[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)



[www.facebook.com/etiqa](https://www.facebook.com/etiqa)

# Triple Lifestyle Protector

# Pelan Simpanan Yang Memberi Jaminan Perlindungan & Pembayaran Tunai.



**Etiqa Life Insurance Berhad** (1239279-P)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013  
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderit oleh:  
**eTiqa**  
Insurans

Ahli Kumpulan Maybank

**eTiqa**  
Insurans

# Kekalkan Gaya Hidup Anda, Kini dan Selamanya

Kehidupan sering berubah. Ada kalanya pendapatan kita berlipat ganda. Ada kalanya, gaya hidup kita berubah secara mendadak disebabkan keadaan ekonomi, kesihatan, maupun kemalangan. Gaya hidup juga pasti berubah apabila kita dikurniakan cahayamata ataupun bersara.

Statistik menunjukkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menghadapi cabaran hidup yang mendadak daripada aspek kewangan. Hanya 37% daripada rakyat Malaysia yang bekerja mengambilkira pendapatan masa hadapan mereka mencukupi\*. Purata simpanan ahli KWSP yang aktif berumur di antara 51 tahun dan 55 tahun (umur persaraan) hanya RM125,158.78\*\*, selepas pengeluaran dibuat untuk melunaskan pinjaman, perbelanjaan perubatan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, adalah wajar untuk kita memastikan bahawa tahap kewangan kita berupaya melindungi dan mengekalkan gaya hidup sedia ada. Kini dan selamanya.

Sumber-sumber: \*The Star, April 21 2011

\*\*Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Julat Simpanan Ahli Aktif 2010

## Triple Lifestyle Protector, Cara Mudah untuk Melindungi Gaya Hidup Anda

Pelan Triple Lifestyle Protector diperkenalkan untuk membantu anda menyimpan demi masa hadapan, menyediakan perlindungan kewangan seumur hidup sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini dan memberi anda pembayaran tunai tetap yang terjamin.

Dengan serendah RM2.90 sehari (berdasarkan bayaran penuh, berumur 20 tahun dan Jumlah Asas yang Diinsuranskan sebanyak RM15,000.00), Triple Lifestyle Protector menawarkan:

- 1 Bayaran tunai terjamin sebanyak 15% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan setiap tiga (3) tahun bermula daripada tahun Ulangtahun Polisi ke lima (5)
- 2 Bayaran 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan (dicampur dengan tunai terkumpul sekiranya anda mengakrukan bayaran terjamin) jika berlaku, manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum mencapai umur 65 tahun atau kematian pada bila-bila masa sepanjang tempoh Polisi
- 3 Bayaran 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan apabila mencapai tempoh matang
- 4 Perlindungan insurans seumur hidup
- 5 Jaminan tiada peningkatan premium sepanjang tempoh Polisi
- 6 Tiada risiko pelaburan
- 7 Kelonggaran menakjubkan. Anda boleh:
  - Menyimpan bayaran tunai terjamin untuk mengumpul tunai lebih pantas
  - Memilih daripada 2 terma pembayaran premium yang berbeza
  - Memilih untuk membayar secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan
  - Mengambil manfaat tambahan untuk perlindungan lebih hebat

## Ciri-ciri Pelan

### Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian, Jumlah Asas yang Diinsuranskan beserta semua bayaran tunai terkumpul (sekiranya ada) selepas ditolak sebarang hutang akan dibayar secara sekaligus.

### Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Sekiranya berlaku HUMK, Jumlah Asas yang Diinsuranskan dicampur dengan bayaran tunai terkumpul akan dibayar. Sekiranya Jumlah Asas yang Diinsuranskan (setiap satu hayat) kurang daripada RM1 juta, ia akan dibayar secara sekaligus. Sekiranya Jumlah Asas yang Diinsuranskan melebihi RM1 juta, maka baki Jumlah Asas yang Diinsuranskan hanya akan dibayar satu (1) tahun selepas pembayaran pertama dibuat, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam kontrak Polisi.


### Manfaat Matang

Apabila Polisi anda mencapai tempoh matang dan tiada tuntutan akibat kematian maupun HUMK dibuat, Jumlah Asas yang Diinsuranskan beserta bayaran tunai terkumpul (sekiranya ada) akan dibayar.

### Pembayaran Tunai Terjamin

Anda akan menerima 15% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan pada hujung tahun ke lima (5) daripada tarikh kuatkuasa Polisi, dan setiap tiga (3) tahun sepanjang tempoh Polisi. Anda boleh memilih untuk menerima pembayaran tunai atau menyimpannya dengan Etiqa Life Insurance Berhad dan mengumpul dividen.

### Contoh Tempoh Premium Penuh



Untuk lelaki, umur 25, Jumlah Asas yang Diinsuranskan RM50,000.00 dengan premium bulanan sebanyak RM269.10

### Ciri-ciri Utama

#### Had Kelayakan Umur\*

- Hayat yang Diinsuranskan Umur minima: 14 hari Umur maksima: 55 tahun
- Pemilik Polisi Umur minima: 18 tahun Umur maksima: tiada had

#### Had Umur Matang\*

85 tahun

#### Jumlah Asas yang Diinsuranskan

- Minima: RM15,000.00 (untuk pembayaran premium penuh)
- RM10,000.00 (untuk tempoh pembayaran 20 tahun)
- Maksima: tertakluk kepada perjanjian

\*Umur pada hari lahir akan datang

## Tetapkan Pilihan Anda

Terma Premium yang Ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pilihan 1: bayaran penuh (sehingga tempoh matang)</li><li>• Pilihan 2: 20 tahun</li></ul>
Kaedah Pembayaran	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan
Pembayaran Tunai Tetap Terjamin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pilihan 1:<ul style="list-style-type: none"><li>Bayaran tetap: 15% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan setiap tiga (3) tahun daripada tahun ke lima (5) Polisi</li></ul></li><li>• Pilihan 2:<ul style="list-style-type: none"><li>Terkumpul: menyimpan dengan Etiqa Life Insurance Berhad dan mengumpul dengan dividen**</li></ul></li></ul>

\*\* Kadar dividen tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa

## Tambah Nilai Pelan Anda

Sekiranya anda merancang untuk menambah nilai Triple Lifestyle Protector dengan lebih manfaat dan kelonggaran, pilih daripada *riders* berikut:

- 1 Rider Kemalangan
- 2 Penyakit Kritikal
- 3 Rider Bertempoh
- 4 Rider Perubatan dan Hospital
- 5 Pengecualian Premium ke atas Kematian/HUMK/Penyakit Kritikal

